

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PENERIMAAN ANUGERAH CEMERLANG DIRAJA YAYASAN
TUANKU SYED PUTRA PERLIS

TEMPAT: ISTANA ARAU, PERLIS

TARIKH: 15 MAR 1997

MASA:

1. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih serta penghargaan kepada Tuanku dan Yayasan Tuanku Syed Putra Perlis kerana memilih saya untuk menerima Anugerah Cemerlang DiRaja ini. Dengan rasa penuh kesyukuran kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala dan dengan perasaan rendah diri saya menerima dengan ikhlasnya anugerah ini.

2. Pengurniaan ini adalah satu penghormatan kepada diri saya yang menyanjung tinggi terhadap kepercayaan yang diberikan. Ia juga adalah satu tanggungjawab. Dengan penerimaan ini sudah tentu harapan rakyat terhadap apa juga sumbangan saya tentulah lebih besar dan tinggi. Adalah diharapkan sumbangan ini akan memenuhi harapan rakyat dan negara, insya-Allah.

3. Tidak terlintas pun di hati saya bahawa apa juga usaha dan sumbangan terhadap rakyat dan negara perlu mendapat balasan dari mana-mana pihak. Ini ialah kerana usaha dan sumbangan terhadap rakyat dan negara memang pun menjadi satu tanggungjawab seorang pemimpin yang dipilih oleh rakyat sendiri. Lagipun sumbangan yang telah diberi selama ini yang mungkin telah membawa kepada kejayaan negara adalah hasil kerjasama berbagai-bagai pihak termasuk anggota Kerajaan, pemimpin-pemimpin lain dan rakyat sendiri. Tanpa kerjasama dan sokongan semua pihak, negara dan rakyat Malaysia tidak akan mencapai kejayaan seperti pada hari ini.

4. Kita di Malaysia sungguh bertuah kerana negara kita bukan sahaja stabil dengan rakyat berbilang kaum hidup aman damai, bahkan negara kita juga maju dan makmur. Kestabilan politik telah membolehkan kepimpinan di semua peringkat merancang berbagai-bagai program pembangunan yang memberi faedah kepada rakyat. Negara sudah tentu tidak berupaya untuk membangun dan maju walaupun kita mempunyai banyak sumber asli jika kita membuang masa bersengketa, dan berebut-rebut tempat bagi diri sendiri. Justeru itu, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak memelihara keamanan dan kestabilan negara.

5. Sementara kemajuan di sesetengah negara tertumpu kepada golongan tertentu dan kawasan-kawasan atau daerah-daerah tertentu, semua golongan rakyat dan negeri di negara kita mendapat manfaat daripada pembangunan dan

kemajuan negara. Justeru itu, tidak ada negeri-negeri di dalam Malaysia yang tidak mendapat kemajuan atau pembangunan. Perlis sendiri pada hari ini di bawah naungan Tuanku Raja Perlis adalah jauh lebih maju dari dahulu dan kini membangun dengan pesat. Inilah antara keunikan strategi pembangunan negara kita. Semua negeri turut sama dibangun dan dimajukan.

6. Dalam era Teknologi Maklumat atau IT sekarang negara tidak boleh berdiam diri dengan hanya memerhati kemajuan IT tanpa membuat sebarang persediaan. Kita akan ketinggalan sepertimana dahulu negara-negara yang enggan menerima perindustrian telah tertinggal dan tidak dapat maju. Oleh sebab itu Kerajaan telah menubuhkan satu kawasan yang dipanggil Koridor Raya Multimedia untuk menarik pelabur-pelabur asing dan tempatan menempatkan kegiatan-kegiatan multimedia mereka di kawasan tersebut.

7. Kita yakin dengan negara membuat persediaan awal untuk memasuki era IT ini, Malaysia akan terus maju dan makmur. Kerajaan yakin rakyat dan negara akan mendapat manfaat daripada penglibatan kita secara serius dalam IT ini.

8. Apa yang diperlukan untuk menentukan usaha terbaru kita ini akan berjaya ialah sokongan dan kerjasama semua pihak. Adalah diyakini bahawa semua negeri termasuk Perlis akan menikmati faedah daripada penglibatan negara dalam IT.

9. Sekali lagi diucapkan terima kasih kepada Tuanku dan Yayasan Tuanku Syed Putra Perlis di atas penganugerahan ini. Penganugerahan ini akan menguatkan semangat dan keazaman saya untuk menyumbang bakti demi agama, bangsa dan negara.